

UEM Edgenta Rekod Prestasi Kukuh Untuk Separuh Tahun Pertama 2023, Mempertingkatkan Lagi Daya Tahan Dan Pertumbuhan Kewangan

KUALA LUMPUR, 28 OGOS - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat peneraju Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini, mengumumkan peningkatan sebanyak 15.6% dalam keuntungan bersih kepada RM23.4 juta dalam enam (6) bulan berakhir 30 Jun 2023 (“separuh pertama TK2023”) dengan pendapatan lebih tinggi sebanyak RM1.35 bilion (RM1.17 bilion pada separuh pertama tahun kewangan 2022 (“TK2022”).

Dalam mengumumkan hasil kewangan yang belum diaudit pada separuh pertama bagi TK2023, keuntungan bersih meningkat sebanyak 15.7% kepada RM12.5 juta daripada RM10.8 juta dalam tempoh suku kedua TK2023, manakala pendapatan meningkat sebanyak 14.6% kepada RM719.3 juta daripada RM627.7 juta.

Peningkatan dua digit dalam pendapatan pada separuh pertama TK2023 terhasil daripada jumlah kerja-kerja turapan jalan raya yang tinggi di lebuhraya utama serta kemenangan kontrak baharu yang diterima dalam bahagian Pengurusan Aset. Hasil peningkatan dalam bahagian *Healthcare Support* Syarikat juga didorong oleh kadar pembaharuan kontrak yang kukuh sebanyak ~90% serta kepelbagaian sektor baharu seperti bahagian hospitaliti di Singapura dan Taiwan. Setakat 30 Jun 2023, kedudukan kewangan UEM Edgenta kekal baik dengan mengekalkan nisbah gearan yang rendah sebanyak 0.3 kali dengan wang tunai dan baki bank sebanyak RM607.0 juta.

Kontrak-kontrak baharu yang diperolehi pada separuh pertama TK2023 berjumlah RM922 juta, mencapai 70% daripada jumlah kontrak baharu pada TK2022. Daripada jumlah ini, sebanyak 62% daripada perolehan kontrak baharu ini berpunca daripada peningkatan dalam perniagaan penyelesaian teknologi, menekankan kepentingan di dalam portfolio kami.

Daripada kontrak-kontrak baharu tersebut, 70% adalah daripada sektor penjagaan kesihatan yang merupakan bukti keterampilan Syarikat dalam bidang ini; selain daripada itu, 75% daripada perolehan kontrak baharu disumbangkan daripada perniagaan antarabangsa, yang juga merupakan bukti terhadap kredibiliti kukuh dan rekod prestasi sedia ada UEM Edgenta sebagai syarikat peneraju penyedia perkhidmatan pengurusan aset di peringkat antarabangsa. Sehingga 30 Jun 2023, *order book* Syarikat kekal positif, dengan jumlah RM9.6 bilion.

Pada separuh pertama 2023, persekitaran makroekonomi terus menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kebimbangan baharu mengenai pertumbuhan perlahan ekonomi global yang dicituskan oleh ketegangan geopolitik yang semakin memuncak, gangguan rantai bekalan yang berpanjangan dan tekanan kos inflasi. Berlatarbelakangkan keadaan ini, Syarikat kekal teguh terhadap fokusnya dalam mengekalkan ketangkasan dalam mengemudi perniagaan semasa tempoh yang tidak menentu ini.

Mengulas keputusan kewangan terkini, Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, "Dipacu oleh visi *Edgenta of the Future 2025* ("EoTF 2025"), kami terus menunjukkan kemajuan kukuh dalam menyampaikan penyelesaian berasaskan teknologi dan kemampanan yang memenuhi keperluan pihak berkepentingan kami. Sekaligus membolehkan perniagaan kami tampil berbeza dan berkembang dalam pasaran yang sedang membangun pesat. Usaha ini telah dizahirkan dengan satu keputusan yang baik dari segi perolehan kontrak baharu dan prestasi kewangan yang kukuh pada separuh tahun pertama 2023."

"Keputusan pada separuh tahun pertama mencerminkan perjalanan kami ke arah menjadi Syarikat peneraju terkemuka pengurusan aset di peringkat global yang dipacu oleh teknologi pemilikan serta keupayaan mampan kami. Dalam langkah mempertingkatkan pilihan-pilihan produk dan perkhidmatan kami untuk turut serta di pasaran tempatan dan antarabangsa, kami akan terus bekerjasama dengan syarikat terkemuka di peringkat global untuk membawa penyelesaian kepada pasaran yang memberikan hasil yang unggul dalam pengurusan aset pemegang kepentingan kami. Dalam usaha kami mengembangkan perniagaan kami di peringkat global, kami akan terus mengoptimalkan model penyampaian kami dan meningkatkan kecekapan operasi kami melalui sinergi kos, pendigitalan dan inovasi sekaligus menginstitusikan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") dalam budaya kerja dan pelaksanaan perkhidmatan kami," tambahnya lagi.

-Ends-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.